

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)38**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG  
YB MUHAMAD BIN KASIM**

38. Dalam menuju Penang2030, didapati jalan di Teluk Bahang masih jauh ketinggalan dari segi infrastruktur, sedangkan penduduk semakin bertambah. Apakah usaha kerajaan untuk menangani masalah ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

38. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya menitikberatkan pembangunan seimbang dan kawasan Telok Bahang menjadi salah satu kawasan tumpuan. Justeru, Kerajaan Negeri sedang merancang projek berimpak tinggi iaitu Projek Pakej 1: *North Coastal Paired Road* (Tanjung Bungah – Teluk Bahang) sepanjang 10.58 kilometer (km). Projek berimpak tinggi ini bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas yang dialami di kawasan Utara Pulau, khususnya dari Tanjong Bunga ke Telok Bahang, tetapi juga berupaya menjadi pemangkin pembangunan di Telok Bahang apabila siap kelak.

Selain itu, antara projek infrastruktur yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang

(JKRPP) adalah seperti berikut:

- (i) Menaik taraf Jambatan Kampung Nelayan;
- (ii) Menaik taraf Jambatan Kampung Rawa; dan
- (iii) Menaik taraf Jambatan Kampung Hassan Abbas.

Kerajaan Negeri sentiasa memantau keadaan semasa di seluruh Pulau Pinang melalui agensi-agensi berkaitan dan akan melaksanakan projek pembangunan berdasarkan kepada keperluan dan ketersediaan peruntukan semasa.